

# Kehamilan remaja membimbangkan

**S**TATISTIK penyelidikan menunjukkan purata 18,000 orang gadis belasan tahun di Malaysia mengandung setiap tahun. Daripada jumlah itu, 25 peratus atau kira-kira 4,500 kes melibatkan kehamilan di luar nikah.

Merujuk kepada statistik 2015 yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan, pakar daripada Pusat Pakar Universiti Malaya (UMSC) berkata, meskipun perangkaan terkini untuk 2018 belum dikeluarkan lagi, mereka percaya kes kehamilan gadis belasan tahun kian meningkat.

"Angka ini mungkin kecil daripada sepatutnya kerana banyak kes mungkin tidak dilaporkan," kata Pakar Obstetrik dan Sakit Puan UMSC, Prof. Madya Dr. Aizura Syafinaz

Ahmad Adlan dalam wawancara dengan *Bernama* baru-baru ini. Beliau ditemui bual bersama adiknya, Pakar Sakit Jiwa UMSC, Dr. Aida Syarinaz.

Statistik berkenaan juga menunjukkan kira-kira 14 daripada 1,000 gadis bawah umur di Malaysia hamil setiap tahun, yang menjadikan kepada purata 18,000 gadis setiap tahun. Ini berbanding di Singapura di mana kadarnya ialah empat kehamilan bagi setiap 1,000 orang gadis bawah umur dan Hong Kong pula mencatat tiga daripada 1,000 orang.

Menurut Aizura Syafinaz, masyarakat Malaysia masih sukar menerima kehamilan gadis belasan tahun. Perkara ini amat dilarang begitu juga

## Menjengah Minda

Oleh SALBIAH SAID  
(Bernama)

gap dari segi undang-undang mampu memberi kebenaran untuk hubungan seks, usia yang dibenarkan di Malaysia ialah 16 tahun. Individu berusia 15 tahun atau lebih muda di Malaysia dari segi undang-undang tidak boleh memberi kebenaran untuk mengadakan hubungan seksual dan kegiatan yang sedemikian boleh menyebabkan pendakwaan rogol statutori atau undang-undang tempatan yang bersamaan.

Menurut beliau, kajian juga menunjukkan kebanyakan kehamilan remaja belasan tahun di Malaysia melibatkan gadis daripada kalangan miskin bandar, yakni, kumpulan sosioekonomi berpendapatan rendah terdiri daripada ibu tunggal dengan anak-anak juga ibu bapa yang terpaksa bekerja dua syif atau melakukan dua pekerjaan dan meninggalkan anak-anak di rumah tanpa pengawasan.

"Malangnya, dalam kalangan kumpulan inilah yang berlaku ramai anak remaja perempuan hamil luar nikah. Anak-anak ini kurang perhatian dan mempunyai banyak masa. Ia bagi satu kitaran ganas. Saya juga ingin bertanya ibu bapa yang membenarkan perkahwinan anak mereka yang berusia belasan tahun, adakah mereka perlu didakwa kerana membenarkan rogol statutori?" soal Aizura Syafinaz.

Sambil menyebut peri-

bahasa, 'Biar mati anak, jangan mati adat', beliau berkata ibu bapa akan mengamuk apabila mendapat tahu anak mereka sudah ternoda.

Bagaimanapun, mereka bukannya mencari jalan untuk menyelesaikan isu sebaliknya fikiran mereka lebih kepada cara untuk menutup malu akibat perbuatan anak mereka.

"Dalam banyak kes, remaja perempuan itu akan dihantar ke rumah pemulihan untuk melahirkan kandungannya. Ada ibu bapa yang mahu anak perempuan mereka balik ke rumah tanpa membawa bayinya kerana bagi mereka bayi luar nikah akan membawa aib kepada keluarga," kata Aizura Syafinaz.

Apa yang sering berlaku, ibu bapa tidak akan menerima anak mereka yang mengandung di luar nikah. Keadaan ini membuatkan ada yang sanggup membuang bayi yang dilahirkan. Data menunjukkan purata 100 bayi dibuang di seluruh negara setiap tahun.

Menurut beliau, masyarakat yang masih konservatif di negara ini masih tidak boleh menerima langkah menggunakan kondom atau pengambilan pil perancang keluarga kerana dilihat lebih kepada kaedah membenarkan seks bebas.

"Sebagai contoh, saya mahu mencadangkan pengambilan pil perancang keluarga untuk remaja supaya darah haidnya teratur tetapi ibu remaja itu membantah kerana bimbang orang akan menyangka anaknya aktif seks," katanya.

Aizura Syafinaz juga berpendapat pendidikan seks di sekolah menengah perlu dikaji semula kerana ia hanya menekankan kepada biologi asas mengenai sistem pembiakan tubuh manusia.

soal seks sebelum kahwin, sumbang mahram, rogol dan penderaan seksual.

Kanun Keseksaan Malaysia mendefinisikan 'rogol statutori' sebagai hubungan seks dengan perempuan bawah umur 16 tahun yang yang tidak mampu memahami bentuk dan kesan mengadakan hubungan berkenaan.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kehamilan gadis belasan tahun adalah di mana usia si ibu berusia antara 13 dan 19 tahun.

Berhubung perkara 'usia memberi kebenaran' di mana individu diang-